

# UMS bantu tingkat kefahaman tentang AMR kepada murid sekolah

UB 07.02.2024 P.06

KOTA BELUD: Sekumpulan penyelidik Rintangan Antimikrob (AMR) dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengadakan program “Mengenal AMR” di Sekolah Kebangsaan (SK) Pekan dan SK Piasau, di sini baru-baru ini.

Ketua Jabatan Pendidikan Perubatan FPSK, Dr Zulkhairul Naim Sidek Ahmad, berkata program itu antara lain bertujuan meningkatkan kesedaran mengenai AMR dalam kalangan murid sekolah.

“Program ini adalah kesinambungan dari aktiviti yang dijalankan penghujung tahun lalu yang menyaksikan 20 murid dari SK Pekan dan SK Piasau dilatih menjadi pembimbing rakan sebaya.

“Kajian perubatan di seluruh dunia menunjukkan bahawa punca utama AMR adalah disebabkan penggunaan antibiotik secara tidak wajar.

“Justeru itu, kempen berkenaan AMR perlu dilakukan seawal yang boleh agar masyarakat khususnya generasi muda lebih cakna dan dapat meningkatkan pengetahuan AMR,” katanya.

Sementara itu, Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah Kota Belud, Nurhanah Idek ketika merasmikan penutupan program berkata, penganjuran program itu tepat pada masanya.

“AMR merupakan ancaman kesihatan global yang



ALBUM: Para peserta merakamkan gambar selepas majlis penutupan program.



AKTIVITI: Sebahagian aktiviti yang dijalankan membabitkan penyertaan murid sekolah rendah berkenaan.

semakin membimbangkan.

“Oleh yang demikian, program seperti ini sangat memberi manfaat kepada

murid-murid dan juga selari dengan agenda kesihatan negara,” katanya.

Program dua hari itu men-

dapat penyertaan 220 murid darjah empat hingga enam dari SK Pekan dan SK Piasau.